

## **TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PROGRAM “RCB ELITE EXCLUSIVE PRIVILEGE”**

Program “RCB Elite Exclusive Privilege” (“Program”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran:196501000672 (6463-H)) (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut akan mengawal Program ini (“Terma dan Syarat”).

### **1. Tempoh Program**

- 1.1 Program ini akan berlangsung dari **1 Januari 2025 hingga 30 Jun 2025**, (termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Program”)).
- 1.2 Program ini boleh didapati di semua cawangan PBB termasuk Pusat Perbankan Red Carpet (“RCB”) di Malaysia.

### **2. Kelayakan**

2.1 Program ini terbuka kepada semua pelanggan RCB Elite yang memenuhi kriteria yang berikut:-

- a) mengekalkan nilai / nilai aset bersih minimum sebanyak RM1,000,000 dalam kombinasi yang berikut:
  - i) Deposit teragregat dalam mana-mana atau semua Akaun Deposit individu atau bersama\* (seperti yang ditakrifkan dalam terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB (“Terma dan Syarat RCB”); dan / atau
  - ii) Pelaburan (seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat RCB); dan / atau
  - iii) Bankasurans / Banktakaful (seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat RCB); dan

\*Akaun-akaun deposit di atas dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- b) mempunyai Kad Debit PB RCB Elite.

(“Peserta yang Layak”)

2.2 Seorang Pelanggan dikehendaki mendaftar untuk Keahlian RCB Elite sebelum layak di bawah Program ini.

2.3 Untuk akaun bersama, hanya nama yang pertama tercatat sebagai pemegang akaun dalam rekod PBB akan dianggap sebagai Peserta yang Layak.

2.4 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini:

- a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”);
- b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
- c) orang yang tidak waras;
- d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan
- e) orang yang akaunnya yang dipegang dengan PBB / PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB / PIBB.

### 3. Mekanisme Program

3.1 Produk yang Layak bagi setiap Kategori Produk di bawah Program ini adalah seperti yang berikut:

No.	Kategori Produk	Produk yang Layak
1	Deposit	Akaun Premier ACE Akaun Premier ACE dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
2	Pelaburan	Dana Unit Amanah Ekuiti / Berimbang / Aset Bercampur Siri PB (UA) UA diuruskan oleh Public Mutual Berhad (“PMB”).
3	Insurans/ Takaful	<u>Bankasurans:</u> a) Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Biasa: i) empower 2 ii) PB Elite Signature iii) PB WealthElite Xtra 2 b) Pelan Insurans Tanpa Penyertaan dengan Ciri-ciri Berkaitan Pelaburan Premium Biasa: i) PB Max Advantage c) Pelan Insurans Tanpa Penyertaan Premium Biasa: i) PB Venture Shield  (Perkara (a), (b) dan (c) di atas dirujuk secara kolektif sebagai “Produk Premium Biasa”)

No.	Kategori Produk	Produk yang Layak
	Insurans/ Takaful (Samb.)	<p>d) Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal (“Produk Premium Tunggal”):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) PB Smart Link</li> <li>ii) PB Smart Elite</li> <li>iii) PB Signature Legacy</li> </ul> <p>Produk Premium Biasa dan Produk Premium Tunggal ditaja jamin oleh AIA Berhad.</p> <p><u>Banktakaful:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelan Takaful Keluarga Caruman Biasa (“Produk Caruman Biasa”) <ul style="list-style-type: none"> <li>i) PB Wealth Amanah</li> </ul> </li> <li>b) Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan Caruman Tunggal patuh Syariah (“Produk Caruman Tunggal”) <ul style="list-style-type: none"> <li>i) PB Excellink-i</li> </ul> </li> </ul> <p>Produk Caruman Biasa dan Produk Caruman Tunggal ditaja jamin oleh AIA PUBLIC Takaful Berhad.</p>
4	Perdagangan Saham	<p>Akaun PB Sharelink:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Akaun Perdagangan Tunai</li> <li>b) Akaun Perdagangan Bercagaran</li> <li>c) Pembiayaan Margin Saham</li> <li>d) <i>Margin Plus Trading</i></li> <li>e) Pembiayaan Margin Saham <i>Special Pricing</i></li> <li>f) <i>Margin Plus Trading Special Pricing</i></li> </ul> <p>Dana dalam Akaun PB Sharelink dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Saham dalam Akaun PB Sharelink tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.</p>

- 3.2 Semasa Tempoh Program, Peserta yang Layak dikehendaki memenuhi kriteria kelayakan bulanan masing-masing berdasarkan Kategori Produk untuk layak mendapat Mata Ganjaran VIP:

No.	Kategori Produk	Kriteria Kelayakan Bulanan	Kelayakan Mata Ganjaran VIP
1	Deposit	Mengekalkan Baki Purata Bulanan (“MAB”) tambahan minimum <sup>#</sup> sebanyak RM50,000.  <sup>#</sup> Rujuk fasal 3.4(c) mengenai MAB tambahan.	1,000 Mata Ganjaran VIP bagi setiap MAB tambahan sebanyak RM10,000.
2	Pelaburan	Melabur amaun pelaburan minimum sebanyak RM50,000.	1,000 Mata Ganjaran VIP bagi setiap amaun pelaburan sebanyak RM5,000.
3	Insurans/ Takaful	a) Premium / Caruman Tahunan minimum sebanyak RM5,000 bagi produk Premium / Caruman Biasa yang layak ; atau b) Premium / Caruman Tunggal minimum sebanyak RM8,000 bagi produk Premium / Caruman Tunggal yang layak.	1,000 Mata Ganjaran VIP bagi setiap amaun premium / caruman sebanyak RM1,000.
4	Perdagangan Saham	Jumlah Perdagangan <sup>^</sup> minimum sebanyak RM50,000.  <sup>^</sup> Rujuk fasal 3.7(f) mengenai Jumlah Perdagangan.	1,000 Mata Ganjaran VIP bagi setiap Jumlah Perdagangan sebanyak RM5,000

- 3.3 Setiap Peserta yang Layak layak untuk maksimum 200,000 Mata Ganjaran VIP setiap bulan kalendar bagi setiap Kategori Produk.

### 3.4 **Terma Khusus bagi Kategori Deposit**

- a) Apa-apa akaun deposit yang tidak disenaraikan dalam perkara 1 dalam jadual di bawah fasal 3.1 tidak boleh dianggap sebagai Produk yang Layak bagi tujuan Program ini walaupun ia telah ditukarkan menjadi Produk yang Layak semasa Tempoh Program.

#### Ilustrasi

Pelanggan A mempunyai Akaun Semasa PLUS (PLUS CA) dengan PBB sebelum Tempoh Program. Semasa Tempoh Program, PLUS CA Pelanggan A telah ditukarkan kepada Akaun Premier ACE. Akaun Premier ACE Pelanggan A ini tidak dianggap sebagai Produk yang Layak bagi tujuan Program ini.

- b) Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah Akaun Premier ACE mestilah daripada dana baharu. “Dana Baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam Akaun Premier ACE dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak yang lain yang disenggara dengan PBB atau PIBB, jika tidak, wang atau dana itu tidak lagi dianggap “dana baharu”.
- c) Semasa bulan kalendar tersebut, Peserta yang Layak yang mencapai MAB tambahan sekurang-kurangnya RM50,000 dalam Akaun Premier ACE akan layak untuk Mata Ganjaran VIP berkenaan.

Pengiraan MAB tambahan:

$$\text{MAB tambahan} = \text{MAB tolak Garis asas}$$

MAB merujuk penjumlahan baki akhir hari Akaun Premier ACE Peserta yang Layak sehingga hari terakhir bulan kalendar dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sebenar bulan kalendar.

Untuk akaun yang mempunyai baki debit, ia akan didaftarkan sebagai baki sifar pada hari tersebut.

Garis asas setiap bulan kalendar adalah seperti yang berikut:

Bulan Kalendar	Garis asas
Januari 2025	Baki akhir hari pada 31 Disember 2024
Februari 2025	Baki akhir hari pada 31 Januari 2025
Mac 2025	Baki akhir hari pada 28 Februari 2025
April 2025	Baki akhir hari pada 31 Mac 2025
Mei 2025	Baki akhir hari pada 30 April 2025
Jun 2025	Baki akhir hari pada 31 Mei 2025

d) Ilustrasi mengenai pengiraan MAB tambahan adalah seperti yang berikut:

Ilustrasi 1 : Akaun Premier ACE baharu yang dibuka pada 16 Januari 2025

Tarikh	Baki akhir hari harian
16 hingga 20 Januari 2025	RM10,000.00
21 hingga 31 Januari 2025	RM50,000.00

<b>Garis asas</b>	RM0.00
<b>Baki akhir hari harian teragregat</b>	$(RM10,000.00 \times 5 \text{ hari}) + (RM50,000.00 \times 11 \text{ hari}) = RM600,000.00$
<b>Jumlah bilangan hari sebenar dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan</b>	16 hari
<b>MAB</b>	$RM600,000.00 / 16 \text{ hari} = RM37,500.00$
<b>MAB tambahan</b>	$RM37,500.00 - RM0.00 = RM37,500.00$
<b>Mata Ganjaran VIP yang akan diperoleh</b>	Tidak layak untuk mendapati apa-apa Mata Ganjaran VIP kerana MAB tambahan adalah kurang daripada RM50,000.

Ilustrasi 2 : Akaun Premier ACE baharu yang dibuka pada 16 Januari 2025

<b>Tarikh</b>	<b>Baki akhir hari harian</b>
16 hingga 20 Januari 2025	RM52,000.00
21 hingga 31 Januari 2025	RM100,000.00

<b>Garis asas</b>	RM0.00
<b>Baki akhir hari harian teragregat</b>	$(RM52,000.00 \times 5 \text{ hari}) + (RM100,000.00 \times 11 \text{ hari}) = RM1,360,000.00$
<b>Jumlah bilangan hari sebenar dari tarikh pembukaan akaun sehingga akhir bulan</b>	16 hari
<b>MAB</b>	$RM1,360,000.00 / 16 \text{ hari} = RM85,000.00$
<b>MAB tambahan</b>	$RM85,000.00 - RM0.00 = RM85,000.00$
<b>Mata Ganjaran VIP yang akan diperoleh</b>	$RM80,000.00 / RM10,000 \times 1,000 \text{ Mata Ganjaran VIP}$ $= 8,000 \text{ Mata Ganjaran VIP}$  Berdasarkan MAB tambahan sebanyak RM85,000, Peserta yang Layak akan diberikan 8,000 Mata Ganjaran VIP seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.2(1).

Ilustrasi 3 : Akaun Premier ACE Sedia Ada

<b>Tarikh</b>	<b>Baki akhir hari harian</b>
1 hingga 20 Januari 2025	RM49,625.00
21 hingga 31 Januari 2025	RM100,000.00

<b>Garis asas</b>	RM10,000.00 (Baki akhir hari pada 31 Disember 2024)
<b>Baki akhir hari harian teragregat</b>	$(RM49,625.00 \times 20 \text{ hari}) + (RM100,000.00 \times 11 \text{ hari}) = RM2,092,500.00$

<b>Jumlah bilangan hari sebenar pada bulan Januari 2025</b>	31 hari
<b>MAB</b>	RM2,092,500.00 / 31 hari = RM67,500.00
<b>MAB tambahan</b>	RM67,500.00 – RM10,000.00 = RM57,500.00
<b>Mata Ganjaran VIP yang akan diperoleh</b>	<p>RM50,000.00 / RM10,000 X 1,000 Mata Ganjaran VIP = 5,000 Mata Ganjaran VIP</p> <p>Berdasarkan MAB tambahan sebanyak RM57,500.00, Peserta yang Layak akan diberikan 5,000 Mata Ganjaran VIP seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.2(1).</p>

Ilustrasi 4 : Akaun Premier ACE Sedia Ada

<b>Tarikh</b>	<b>Baki akhir hari harian</b>
1 hingga 20 Januari 2025	RM4,810,000.00
21 hingga 31 Januari 2025	RM4,500,000.00

<b>Garis asas</b>	RM1,000,000.00 (Baki akhir hari pada 31 Disember 2024)
<b>Baki akhir hari harian teragregat</b>	(RM4,810,000.00 x 20 hari) + (RM4,500,000.00 x 11 hari) = RM145,700,000.00
<b>Jumlah bilangan hari sebenar pada bulan Januari 2025</b>	31 hari
<b>MAB</b>	RM145,700,000.00 / 31 hari = RM4,700,000.00
<b>MAB tambahan</b>	RM4,700,000.00 – RM1,000,000.00 = RM3,700,000.00
<b>Mata Ganjaran VIP yang akan didapati</b>	<p>RM3,700,000.00/RM10,000 X 1,000 Mata Ganjaran VIP = 370,000 Mata Ganjaran VIP</p> <p>Seperti yang dinyatakan dalam fasal 3.3, Peserta yang Layak akan diberi maksimum 200,000 Mata Ganjaran VIP dan bukannya 370,000 Mata Ganjaran VIP.</p>

### 3.5 Terma Khusus Kategori Pelaburan

- a) Amaun pelaburan terkumpul dalam kombinasi beberapa dana yang berlainan atau hari yang berbeza dalam bulan kalendar tersebut dibenarkan dengan syarat amaun pelaburan minimum adalah sebanyak RM50,000.
- b) UA yang berikut **TIDAK** dianggap sebagai Produk yang Layak dalam Program ini:
  - Semua jenis urus niaga tukar ganti;
  - Dana Unit Amanah Ekuiti/Berimbang/Aset Bercampur e-Siri Public;
  - Pelaburan yang dibuat menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”);
  - Pelaburan yang dibuat melalui platform dalam talian iaitu Public Mutual Online (“PMO”);
  - Pelaburan yang dibuat melalui kempen berkaitan dengan UA yang lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB;
  - Pelaburan dalam Skim Persaraan Swasta (“PRS”).
- c) Semua pelaburan UA yang diproses oleh PMB dalam bulan kalendar akan layak untuk mendapat Mata Ganjaran VIP (seperti yang dinyatakan dalam perkara 2 dalam jadual di bawah fasal 3.1).
- d) Jika UA dibatalkan semasa “tempoh bertenang” masing-masing dalam bulan kalendar, Peserta yang Layak tidak akan layak untuk mendapat Mata Ganjaran VIP bagi bulan kalendar tersebut.
- e) “Tempoh bertenang” merujuk enam (6) hari perniagaan bermula pada tarikh penerimaan borang permohonan pelaburan oleh dan bayaran kepada PMB. Tempoh bertenang seumpama itu hanya terpakai kepada Peserta yang Layak yang melabur dalam mana-mana UA dengan PMB untuk kali pertama.
- f) Pelaburan UA ini juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PMB.

### 3.6 Terma Khusus Kategori Insurans/Takaful

- a) Peserta yang Layak mestilah Pemilik Polisi / Sijil. Peserta yang Layak boleh membeli / melangani / mengambil bahagian dalam pelbagai polisi / sijil dan layak untuk mendapat Mata Ganjaran VIP bagi setiap jenis produk Bankasurans / Banktakaful yang Layak seperti yang dinyatakan dalam perkara 3 dalam jadual di bawah perkara 3.1.
- b) Produk tele-pemasaran, produk Insurans Hayat / Takaful Berkaitan Kredit dan semua pelan kumpulan adalah **TIDAK** layak untuk Program ini.
- c) Semua kes Bankasurans / Banktakaful yang dikuatkuasakan dalam bulan kalendar akan layak untuk mendapat Mata Ganjaran VIP.
- d) Kes yang dikuatkuasakan semasa Tempoh Program tetapi dibatalkan semasa “Tempoh Percubaan”, diserahkan balik, penggantian polisi (“ROP”) /penggantian sijil (“ROC”) **TIDAK** layak untuk dipertimbangkan bagi Program ini dan tidak layak untuk mendapat Mata Ganjaran VIP.

- e) “Tempoh Percubaan” merujuk tempoh lima belas (15) hari bermula daripada tarikh penerimaan dokumen atau sijil polisi, mengikut keadaan, yang berkaitan dengan produk Bankasurans / Banktakaful, sama ada dalam salinan bercetak atau e-Polisi / e-sijil oleh Peserta yang Layak.
- f) Pembelian / Langganan / Penyertaan dalam Bankasurans / Banktakaful juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh AIA Berhad atau AIA PUBLIC Takaful Berhad, mengikut keadaan.

### 3.7 Terma Khusus bagi Kategori Perdagangan Saham

- a) Peserta yang Layak perlu mencapai Jumlah Perdagangan minimum sebanyak RM50,000 melalui Akaun PB Sharelink dalam bulan kalendar untuk layak menerima Mata Ganjaran VIP.

Ilustrasi:

Bulan Kalendar	Jumlah Perdagangan yang dimuktamadkan dalam bulan kalendar	Kelayakan untuk Mata Ganjaran VIP
Januari 2025	RM200,000	Layak
Februari 2025	RM30,000	<b>Tidak Layak</b> (Jumlah Perdagangan yang dimuktamadkan pada bulan Februari 2025 kurang daripada Jumlah Perdagangan minimum sebanyak RM50,000)
Mac 2025	RM50,000	Layak

- b) Hanya Akaun PB Sharelink yang telah dirangkaikan kepada akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) aktif yang disenggara dengan Bursa Malaysia Berhad (“Bursa”) dan akaun perdagangan yang disenggara dengan PIVB akan dipertimbangkan sebagai Produk yang Layak dalam Program ini.
- c) Akaun PB Sharelink yang mempunyai status “Gantung Beli”, “Gantung Jual” atau “Gantung Beli dan Jual” tidak akan dipertimbangkan dalam Program ini, oleh itu Peserta yang Layak dengan akaun sedemikian **TIDAK** layak untuk Mata Ganjaran VIP.
- d) Sekiranya Peserta yang Layak menyenggara lebih daripada satu (1) Akaun PB Sharelink semasa Tempoh Program, Jumlah Perdagangan yang dimuktamadkan dalam setiap Akaun PB Sharelink dalam bulan kalendar akan dikumpulkan bagi tujuan menentukan keseluruhan Jumlah Perdagangan untuk mengira Mata Ganjaran VIP yang layak diterima bagi bulan kalendar tersebut.

- e) “Kontrak Perdagangan Saham” bermaksud satu kontrak yang mana pesanan “Beli” atau “Jual” suatu saham telah disepadankan dan disahkan oleh Bursa dan satu nota kontrak telah dikeluarkan oleh PIVB.
- f) “Jumlah Perdagangan” merujuk nilai Kontrak Perdagangan Saham terkumpul (nilai tidak termasuk amaun brokeraj, duti setem dan fi penjelasan).

### 3.8 Terma Lain

- a) Mata Ganjaran VIP akan dikreditkan ke dalam Kad Debit PB RCB Elite Peserta yang Layak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas hari terakhir setiap bulan kalendar.
- b) Mata Ganjaran VIP boleh digunakan untuk penebusan melalui Katalog Penebusan Hadiah PB (*PB Preferred Redemption Rewards*)
- c) Tarikh luput Mata Ganjaran VIP ialah tiga (3) tahun dari hari pengkreditan Mata Ganjaran VIP dalam Kad Debit PB RCB Elite Peserta yang Layak.
- d) Mata Ganjaran VIP tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirunding dan tidak boleh ditukar dengan tunai pendahuluan, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- e) Peserta yang Layak tidak layak untuk Mata Ganjaran VIP di bawah Program ini sekiranya Kad Debit PB RCB Elite Peserta yang Layak dan/atau akaun yang dirangkaikan kepada Kad Debit PB RCB Elitenya ditutup, ditukar, digantung, dibatalkan, ditamatkan, dorman atau tidak aktif semasa Tempoh Program dan/atau sebelum pengkreditan Mata Ganjaran VIP kepada Peserta yang Layak.
- f) PBB berhak untuk menarik balik mana-mana Mata Ganjaran VIP sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, Keahlian RCB dan Kad Debit PB tidak dipatuhi.
- g) Program ini **TIDAK** sah dengan mana-mana promosi produk yang lain dan/atau kempen yang ditawarkan serentak oleh PBB.

## 4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Program ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB dan terma dan syarat am yang mengawal Kad Debit PB (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat yang mengawal Keahlian RCB dan terma dan syarat yang mengawal Kad Debit PB, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Program ini.

- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Program ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Program ini.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat Peserta yang Layak berkenaan dengan Produk yang Layak bagi tujuan Program ini.
- 4.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program ini kecuali disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Program ini.
- 4.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Program ini yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Program ini.
- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkenaan atau berkaitan dengan Program ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB berhak:
  - a) untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, meletakkan notis di cawangan PBB, atau apa-apa cara lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda itu akan diterima pakai berbanding dengan apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam bahan promosi lain untuk pengiklanan Program ini.

b) untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Program ini sebelum Program ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, meletakkan notis di cawangan PBB, atau apa-apa cara lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.

4.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Privasi PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak melalui laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

4.11 Peserta yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat terma yang tidak difahami oleh Peserta yang Layak, Peserta yang Layak dinasihatkan agar mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil PBB / PIBB.

\*\*\*\*\*

Halaman Selebihnya Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong

\*\*\*\*\*